

**Sukan, Satu Gambaran Legasi Luar Biasa - Najib
Bernama
26 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 26 Mac (Bernama) -- Sukan memberi gambaran mengenai legasinya yang luar biasa apabila ia mendekatkan rakyat melalui persaingan dan bersatu di sebalik matlamat yang lebih tinggi berbanding tawaran hadiah.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata sukan juga menunjukkan apa yang berlaku di dunia tetapi untuk berjuta-juta orang, sukan juga merupakan satu tindakan melarikan diri daripada kesusahan, kemiskinan dan konflik.

Beliau berkata dalam keadaan sukar bagi Malaysia yang berdepan tragedi kehilangan pesawat Malaysia Airlines MH370, banyak pihak memberikan sokongan dan penghormatan termasuk Anugerah Sukan Dunia Laureus 2014 yang pertama kali diadakan di Malaysia.

"Bagi Malaysia ini merupakan masa yang seumpama itu. Pada malam Isnin, dengan penuh kesedihan dan rasa kesal, saya terpaksa memberitahu masyarakat dunia bahawa 239 orang dalam Penerbangan MH370 telah hilang. Ingatan dan doa kami adalah bersama dengan mereka dan anggota keluarga mereka.

"Dalam masa yang sukar ini, kita menarik kekuatan, kita menarik kekuatan daripada cerita-cerita ketabahan, kemurahan hati dan daya tahan individu.

Calon-calon di sini malam ini mempamerkan nilai-nilai seperti itu. Mereka telah merentas dunia dalam usaha mencari kejayaan," katanya dalam ucapan perasmian Anugerah Sukan Dunia Laureus 2014 di Istana Budaya, malam Rabu. Najib juga melahirkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam anugerah ini atas sokongan mereka semasa waktu-waktu sukar rakyat Malaysia dan mengucapkan tahniah kepada calon-calon atas pencalonan mereka.

Beliau mengakui bahawa anugerah Laureus bukan hanya dianugerahkan kepada para atlet tetapi juga kepada mereka yang telah melakukan suatu perkara yang penting bagi meningkatkan kehidupan dan masa depan manusia di seluruh dunia seperti projek HIV/AIDS di Uganda dan program pendidikan di Brazil.

Turut hadir di majlis itu isteri beliau Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Belia dan Sukan Khairy Jamaluddin, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz dan menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Wahid Omar.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1025225>